

2 Ogos 2012

Pil Eramin 5 RM80j dirampas



Noor Rashid menunjukkan sebahagian Eramin 5 yang dirampas dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: Lebih empat juta pil khayal Eramin 5 bernilai RM80 juta mengikut nilai pasaran semasa dirampas dalam siri serbuan di seluruh negara sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Pengarah Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim, berkata perkembangan itu menunjukkan perubahan pola penyeludupan dadah di negara ini.

“Sepanjang 2011, sindiket lebih bertumpu kepada pengedaran syabu, malah menempat-kan makmal pemprosesan di Malaysia bagi menampung pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Bagaimanapun, sindiket mengubah modus operandi awal tahun ini, termasuk beralih kepada pil khayal (Eramin 5) yang dipercayai diseludup melalui jalan laut,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Sementara itu, Rashid berkata, pihaknya kelmarin turut menyerbu sebuah rumah kedai di Taman Damai Utama, Puchong di sini dipercayai dijadikan stor pil khayal berkenaan.

Dalam serbuan kira-kira jam 3 petang itu, 395,000 pil Eramin 5 bernilai RM8 juta, yang siap diproses dan dipercayai hanya menunggu masa untuk diedarkan, dirampas polis.

“Bagaimanapun, tiada penahanan dilakukan dan polis sedang mengesan pemilik rumah kedai itu untuk membantu siasatan,” katanya.

Katanya, polis tidak menolak kemungkinan premis berkenaan dijadikan pusat transit dan pembungkusan semula pil khayal itu sejeurus diseludup masuk ke negara ini.